



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

16 OKTOBER 2020

1. Cedera Kucing jiran
2. 'Keluarga' babi serang dua kampung

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Cedera kucing jiran

Warga emas tidak mengaku salah pertuduhan minta dibicarakan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my

Kota Bharu

Seorang warga emas diadikwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencerakau kucing milik jirananya.

Tertuduh, Ab Hamid Ismail, 70, bagaimanapun, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid.


Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Sharif Sabran dan tertuduh diwakili peguam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menyebabkan kesakitan tidak sepatutnya terhadap kucing milik Nur Amalin Aishah Ariffin pada 17 Ogos lalu jam 10.30 malam di Jalan Pintu Gang.

Tertuduh didakwa



TERTUDUH (kiri) diiringi pihak berkuasa di pekarangan mahkamah, semalam. Gambar kecil, kucing yang tercedera.




melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). Sabit kesalan, tertuduh boleh denda, tertuduh tidak kurang

RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah menetapkan wang jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin dan 22 November depan bagi proses serahan dokumen.





SEORANG penunggang motosikal melalui kawasan yang terdapat sekumpulan babi hutan di Kampung Parit Jay di Bagan Serai baru-baru ini.

'Keluarga' babi serang dua kampung

BAGAN SERAI – Penduduk di dua buah kampung di sini hidup dalam ketakutan apabila sering 'dikunjungi' oleh sekumpulan babi yang merosakkan tanaman dan mencari makanan hingga ke kawasan halaman rumah mereka.

'Keluarga' babi berkenaan dikatakan sering masuk ke Kampung Parit Jay dan Kampung Parit Haji Ismail 3 sejak tahun lalu tanpa mengira waktu dan bilangannya semakin bertambah.

Muhamad Firdaus Abdul Fa-

tah, 32, dari Kampung Parit Jay berkata, haiwan itu datang bersama 'keluarganya' untuk mencari makanan sehingga ke kawasan halaman rumahnya.

"Jika sebelum ini kalau nampak, hanya sekadar dua hingga tiga ekor di kawasan sawah padi, tapi kini datang bawa anak-anak sekali cari makan di kawasan sekitar rumah penduduk."

"Babi hutan ini pula datang tak kira waktu dan tempat. Kalau mereka tak ke kawasan kampung ni (Kampung Parit Jay), haiwan

tersebut akan ke kampung Parit Haji Ismail 3," katanya.

Tambahnya, lebih membimbangkan apabila babi berkenaan turut memusnahkan hasil tanaman sayuran seperti ubi kayu, labu kuning dan kacang panjang.

"Keselamatan anak-anak dan pengguna jalan raya di kampung ini terjejas dengan kehadiran babi yang banyak," katanya yang berharap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah itu.